KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kosmo! SABTU 5 FEBRUARI 2022

Tembak kijang di kawasan hutan simpan di Selangor

Perhilitan cekup tiga pemburu haram

Oleh AMREE AHMAD

PUTRAJAYA – Kegiatan tiga individu melakukan jenayah pemburuan haram di kawasan hutan simpan di Selangor terbongkar apabila kesemua mereka diberkas dalam satu serbuan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) pada Rabu lalu.

Kesemua suspek tersebut diberkas dengan bantuan pasukan veteran Angkatan Tentera Malaysia dan Orang Asli selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan di kawasan tersebut.

Perhilitan menerusi satu kenyataan berkata, ketika serbuan, ketiga-tiga pemburu haram itu berada di sebuah ran yang dibina di hutan simpan tersebut.

"Selain membuat tangkapan, Perhilitan juga merampas beberapa bahagian hidupan liar disyaki kijang, selaras senapang, empat bilah parang dan sebilah kapak milik suspek," katanya dalam satu kenyataan.

Tambah kenyataan itu, kesemua pemburu haram tersebut dan barang yang disita dibawa ke balai polis berhampiran untuk proses penyiasatan dan tindakan selanjutnya.

Kes disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 kerana melakukan kes pencerobohan, pemburuan dan pemerdagangan sumber khazanah negara.

Jika sabit kesalahan, suspek boleh dikenakan denda RM500,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Sepanjang tahun lalu, Perhilitan telah menahan 133 pesalah hidupan liar dengan 121 daripada jumlah itu merupakan penduduk tempatan.



SEBAHAGIAN senjata yang dirampas daripada tiga pemburu haram oleh Perhilitan pada Rabu lalu.

Ia hasil kejayaan Operasi Bersepadu Khazanah yang merupakan sebahagian daripada Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti dengan nilai rampasan berjumlah RM31.9 juta.

Sebanyak 303 jerat haram turut dimusnahkan pasukan berkenaan, manakala 59 khemah dikesan menerusi pelaksanaan operasi tersebut di seluruh Semenanjung pada tahun lepas.